

# Paip pecah mungkin punca

KOSMO 11/10/2006

KUALA LUMPUR - Kejadian tanah runtuh yang berlaku di Seksyen 10 Wangsa Maju semalam mungkin berpunca daripada batang paip yang pecah di dalam tanah di lokasi berkenaan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid yang meninjau kawasan terbabit semalam berkata:

"Saya lihat ada batang paip

pecah dan menyebabkan air keluar dari celahan tanah yang runtuh di sini."

Bagaimanapun menurut Azmi, ia hanya pandangan kasar sahaja dan punca sebenar kejadian masih lagi dalam siasatan.

"Sekarang ini, pihak Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) sedang buat kajian dan laporan penuh akan diketahui dalam tempoh dua bu-

lan lagi," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau mencadangkan kerajaan membuat kajian terhadap projek yang dijalankan di kawasan curam 15 darjah ke atas dan kawasan tanah tinggi berukuran 300 meter ke atas bagi tujuan keselamatan.

"Saya harap cadangan tersebut akan diambil serius bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berulang," katanya.